

# MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur



**Mohd Jamizal Zainol**

## Nilai bersama prasyarat wujudkan bangsa Malaysia

**Mutakhir** ini ada cadangan untuk membentuk semula bangsa Malaysia. Malaysia merangkumi tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India yang mempunyai sejarah, budaya, tradisi serta agama tersendiri.

Kita tidak berupaya mencabut akar sejarah, budaya, agama dan tradisi kaum masing-masing kerana itu ialah hakikat kewujudan serta realiti setiap kaum yang harus dihormati.

Namun, sebagai negara bangsa yang meletakkan perpaduan sebagai inti kepada kelangsungan, maka kita tidak boleh menolak keperluan untuk mengukir nilai bersama sebagai prasyarat mewujudkan bangsa Malaysia.

Prasyarat bermakna kegagalan kita mendakap nilai bersama ini, maka teori bangsa Malaysia akan menjadi utopia sahaja.

Mengapa nilai bersama sangat penting? Sebagai kerajaan yang diberikan kuasa mentadbir rakyatnya adalah suatu hal sangat penting supaya kuasa dan nilai bersama ini diselenggarakan. Apabila ia diselenggarakan, akan menjadi lebih mudah untuk rakyat patuh. Kurang paksaan diperlukan, sekali gus membawa kepada produktiviti sosial lebih besar.

Sebagai contoh, jika kerajaan memutuskan mahu rakyatnya membayar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), rakyat tidak terlalu cenderung untuk mematuhi jika tidak mempunyai nilai dikongsi bersama kerajaan. Walaupun mereka mematuhi, ia akan menjadi pematuhan terpaksa.

Bagaimanapun, jika berkongsi nilai bersama dengan kerajaan, rakyat mungkin berfikir: "Saya tidak suka membayar cukai sekarang, tetapi membayar cukai adalah baik untuk kita semua." Natijahnya, bukankah ini lebih menarik dan mudah dalam sebuah negara?

Apakah nilai bersama? Saya menandakan nilai bersama ialah toleransi, kesetiaan dan bermaruah. Ketiga-tiga nilai bersama itu dipilih kerana ia manifestasi kepada prinsip Rukun Negara.

Toleransi ialah manifestasi kepada prinsip Rukun Negara pertama, iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan. Frasa digunakan ialah Tuhan kerana Malaysia ialah negara meraiikan pelbagai agama.

Walaupun Islam ialah agama Persekutuan, agama lain dipraktikkan secara bebas. Kepercayaan kepada Tuhan bermakna bangsa Malaysia percaya kepada suatu kuasa mentadbir dunia ini. Adanya kehidupan selepas kematian yang Tuhan akan mengadili baik dan buruk yang kita lakukan di dunia ini.

Faham kehidupan selepas kematian akan memperkuatkan moral dan etika bangsa Malaysia supaya melakukan kebajikan sepanjang hidup. Bangsa Ma-

laysia menolak budaya hedonisme ekstrim, rasuah dan budaya tamak nikmat dunia sehingga menzalimi bangsa lain kerana kepercayaan setiap kejahatan akan dibalas nanti.

Memang benar ada pihak skeptikal apabila berbicara soal toleransi kerana ia dianggap sebagai menerima sahaja idea, pandangan dan perbuatan walaupun bertentangan dengan kepercayaan serta adat masyarakat kita.

Pada mulanya, saya juga skeptikal adakah kita perlu bertoleransi pada mereka menyampaikan pandangan salah? Manusia mempunyai pelbagai pandangan dan rencam pemikiran mereka. Sebenarnya, perbezaan pandangan itu adalah nikmat dan rahmat perlu diraikan.

Namun, ia memerlukan satu prasyarat, iaitu kita hanya bertoleransi pada idea, pandangan dan perbuatan selagi tidak menggugat keselamatan awam, kesihatan awam serta nilai moral masyarakat Malaysia. Sudah tentu had ini mesti disenaraikan secara objektif oleh kerajaan supaya jelas dan tidak menjadi konflik antara rakyat dengan kerajaan.

Kesetiaan pula manifestasi kepada prinsip Rukun Negara, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-Undang. Nilai kesetiaan akan mengukuhkan konsep negara bangsa Malaysia.

Malaysia terbina daripada tradisi, adat dan budaya ratusan tahun. Semua kaum harus mendakap dan menerima Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Negara serta berperanan sebagai penimbang tara bagi konflik yang berlaku dalam kalangan ahli politik berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Kesetiaan juga bermaksud semua kaum menerima doktrin asas Perlembagaan, iaitu Islam sebagai agama Persekutuan, hak istimewa Melayu dan peribumi, kedaulatan Raja-Raja Melayu dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Mendakap dan menerima bermaksud bukan hanya di atas kertas serta di bibir, tetapi memastikan tiada polisi serta undang-undang bertentangan dengan doktrin asas ini.

Bermaruah ialah manifestasi kepada prinsip Rukun Negara, Kesopanan dan Kesusilaan. Ia menekankan prinsip 'adab' iaitu kebolehan membuat tindakan betul (*right action*) berdasarkan prinsip moral serta etika benar.

Hidup bermaruah bermakna bangsa Malaysia bukan korup dan miskin ilmu. Bangsa Malaysia ialah mereka yang melakukan kebajikan demi negara dan memahami amalan buruk akan dibalas buruk sama ada di dunia atau akhirat. Bangsa Malaysia bermaruah ialah bangsa rajin dan kuat berusaha.

Dalam hal ini, sikap cukup makan dan budaya subsidi masih menghantui

sebahagian besar kaum Melayu di negara ini. Kerajaan sudah memberikan peluang seluasnya kepada Melayu untuk maju, terutama dalam bidang ekonomi.

Namun, disebabkan hasad dengki, tiada inovasi dan miskin ilmu kadangkala perniagaan yang dijalankan tertangguh sekerat jalan serta mengalami kerugian. Dalam arus global sekarang, sikap tidak yakin bangsa Melayu kepada diri sendiri dikenal pasti sebagai halangan utama untuk terus maju.

Sindrom itu menyebabkan peluang terbaik dalam perniagaan, lebih banyak dilepaskan kepada bangsa asing. Melayu perlu bersikap *terra incognita*, iaitu mencari ruang baharu dan berani melakukan perubahan untuk terus bersaing.

Diyakini dengan nilai bersama, iaitu toleransi, kesetiaan dan bermaruah berteraskan prinsip Rukun Negara, kita dapat membentuk bangsa Malaysia. Jika kita boleh bersetuju dan menerima nilai bersama ini, maka ia wajar dijadikan identiti negara.

Apabila rakyat dan kerajaan mempunyai identiti sama, maka akan wujud saling dipercayai antara rakyat dengan kerajaan. Kepercayaan ialah asas kepada pembinaan negara bangsa yang mengamalkan sistem demokrasi.

Kepercayaan ini nanti akan mengekalkan keharmonian dan keamanan negara. Sekarang tiba masanya supaya nilai bersama ini digarap dan dihayati semua rakyat Malaysia supaya bangsa Malaysia yang kita cita-citakan bukan hanya suatu utopia, tetapi boleh direalisasikan.

*Penulis adalah Pengerusi Pusat Polisi dan Hal Ehwal Ekonomi Malaysia (PEACE)*

**Dengan nilai bersama iaitu toleransi, kesetiaan dan bermaruah berteraskan prinsip Rukun Negara, kita dapat membentuk bangsa Malaysia. Jika kita boleh bersetuju dan menerima nilai bersama ini, maka ia wajar dijadikan identiti negara.**

